# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 23 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4. | BEKALAN TELUR, AYAM SUSUT MULAI OGOS, DALAM NEGERI, UM -32<br>CHAN: EL NINO NOT NECESSARILY BAD FOR CROPS, NATION, CHINA PRESS -A10<br>CHAN FOONG HIN: TO DISCUSS ON ASSISTING TRANSFORMATION OF PIG FARMING, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>EL NINO MIGHT NOT CERTAINLY IMPACT ON AGRICULTURE, NATION, SIN CHEW DAILY -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 5. | GOOD NEWS FOR FANS of LOCAL FRUITS, EVENTS, THE STAR -7 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 6.<br><br>7.<br><br>8.<br>9.<br>10. | TEMBAK KUCING JIRAN, PESARA TENTERA DIDENDA RM20,000, DALAM NEGERI, UM -34<br>TEMPAHAN LEMBU KORBAN MEROSOT SEBANYAK 20 PERATUS, NEGARA, KOSMO -14<br>JUALAN LEMBU KORBAN MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -12<br>LEMBU 'SADO' LARIS, LOKAL, HM -18<br>BELAJAR TERNAK KAMBING DARI YOUTUBE, NASIONAL, SH -23 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 11.<br><br>12.<br><br>13.<br>14. | LEPASAN SEKOLAH PONDOK TERNAK 35,000 IKAN AIR TAWAR, DALAM NEGERI, UM -31<br>15 PENGUSAHA RUGI RM410,000 TERNAKAN TERJEJAS AKIBAT EL NINO, NASIONAL, BH -21<br>MARITIM MALAYSIA LUPUS 446 BOT NELAYAN ASING, NASIONAL, BH -20<br>MMEA SCUTTLED 446 FOREIGN FISHING VESSELS SINCE 2008, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -8 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 15.<br><br>16. | PERAK FARMERS ASSOCIATION: HUSK'S LOW VALUE REDUCES FARMER'S PROFIT, NATION, SIN CHEW DAILY -15<br>AGENSI KHAS TINGKATKAN KESELAMATAN MAKANAN, SUARA SARAWAK -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Bekalan telur, ayam susut mulai Ogos

**PETALING JAYA:** Bekalan telur diramal merosot 50 peratus kepada 585 juta biji menjelang Disember ini, berikutan kegagalan menangani isu pokok masalah bekalan anak ayam dan dedak.

Satu sumber industri telur yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, berdasarkan maklumat yang diterima, bekalan telur seluruh negara dijangka merosot bermula Julai dengan kemuncak kekurangan sumber protein itu pada Disember.

Sumber itu berkata, pada Julai ini, pihaknya difahamkan negara akan kekurangan 91 juta biji telur berbanding keperluan 942 juta biji sebulan.

Kekurangan bekalan itu dijangka turut berlaku sepanjang September (300 juta biji), Oktober (352 juta biji), November (265 juta biji) dan Disember sebanyak 585 juta biji.

"Berdasarkan libat urus dengan kementerian dan agensi, pihak kami difahamkan bahawa data pengeluaran dan unjuran itu berdasarkan ketersediaan bilangan dan umur *breeder* semasa kutipan data dilakukan pihak kerajaan pada September 2022.

"Pada masa itu, kadar subsidi yang kami terima hanya 3 sen bagi sebiji telur. Dengan kadar itu, kami terpaksa mengurangkan bilangan *breeder* kerana kami tanggung kerugian besar selama pemberian subsidi pada kadar 3 sen selepas Jun 2022," katanya.

Justeru, masalah pengurangan *breeder* tersebut menjadi faktor mendorong pengeluaran telur dijangka berkurangan pada bulan-bulan tertentu sepanjang tahun ini.

Sementara itu, negara juga diramal mengalami masalah bekalan ayam menjelang Ogos apabila semakan akhbar ini dengan wakil persatuan ternakan ayam di wilayah tengah Semenanjung, turut mengesahkan perkara itu.

Sumber berkata, di pihaknya juga dijangka berlaku kekurangan ayam di ladang sebanyak 33 peratus menjelang Ogos, didorong masalah bekalan anak ayam oleh kartel.

"Sesetengah kartel pembekal anak ayam, mereka punya stok ayam induk tuai (PS) yang bertelur itu sudah sampai had usianya.

"Mereka akan melupuskan atau *culling PS* itu sebagai ayam pencen. Apabila mereka lupuskan stok PS itu, maka bekalan anak ayam untuk kitaran akan datang akan menurun.

"Kalau kartel anak ayam berpakat seluruh negara untuk tidak memasukkan stok PS baru bagi menelurkan anak ayam, maka, satu Malaysia akan menghadapi isu ayam dan telur kerana tanpa anak ayam, maka tiadalah ayam pedaging atau ayam penelur," katanya.

Menjelaskan lanjut, sumber industri ayam berkata, ada tiga peringkat PS di satu-satu ladang yang menghasilkan anak ayam.




**REAKSI** sebahagian orang ramai semasa membeli telur ayam import dan tempatan yang dijual di Pasaraya Mydin Subang, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/AMIR KHALID

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |


# Lepasan sekolah pondok ternak 35,000 ikan air tawar

Oleh **OTHMAN YAHAYA**
utusannews@mediamulia.com.my



**MOHAMAD Shukran Husaini Abdullah memberi makan ikan ternakannya di sebuah kuari terbiar di Semeling, Bedong di Sungai Petani.**

**SUNGAI PETANI:** Tidak mengikuti kursus penternakan bukan alasan seorang remaja lepasan sekolah pondok berjinak-jinak menjadi pengusaha ternakan ikan air tawar demi mencari pendapatan sendiri untuk kelangsungan hidup.

Menjadikan sebuah kolam terbiar di sebuah kuari di Semeling, Bedong, usaha Mohamad Shukran Husaini Abdullah, 19, mula menampakkan hasil apabila 35,000 ekor ikan patin, tilapia dan kap yang diternaknya hampir lapan bulan lalu kini dalam proses untuk dijual.

"Saya sebenarnya langsung tidak mempunyai pengetahuan berkaitan ternakan, namun, berani melibatkan diri menjadi penternak ikan dengan hanya berbekalkan keyakinan untuk menceburi bidang itu.

"Saya juga beruntung kerana keluarga memberi galakan dan semangat sebaik memaklumkan hasrat menjana pendapatan untuk diri sendiri dan pada masa sama dapat membantu keluarga," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, semalam.

Menurut Mohamad Shukran, pada mulanya dia menghadapi kesukaran kerana tiada tempat untuk dijadikan kolam ternakan selain memerlukan modal yang tinggi untuk membeli benih tiga jenis ikan berkenaan.

"Namun, dengan bantuan bapa yang mengenali pemilik kuari tanah itu, kolam bersaiz hampir dua padang bola itu akhirnya disewakan," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan: El Nino not necessarily bad for crops | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 23 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 218 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,300 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,900 |





■陈泓鎌（左2）参观参展的农业摊位。

# 陳泓鎌：艾爾尼諾現象
# 未必對農作物都不好

（怡保22日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓鎌，不否认艾尔尼诺现象会为农作物带来些许干扰，但不一定全都是负面影响。

"有些蔬菜在阳光足够下，有利于成长，所以艾尔尼诺现象未必都是对农作物不好；至于种植稻米者，需较为留心，要确保田间的排水及灌溉系统保持足够的供水量。"

陈泓鎌今午霹雳乡区转型中心，为霹雳联邦农业销售节（FAMA）主持开幕式后，在记者会上如是指出。

询及青年对农业领域不感兴趣，他指出，青年不愿投身农业，是因为他们对此领域有刻板印象，很多人认为这是辛苦的职业，需在烈阳下耕作。

"其实以现有的科技，农业未必要以传统方式经营，我们有垂直农法（Vertical Farming）、物联网（IoT），我认为这些都能吸引青年投身农业。"

他说，政府的支持也很重要，政府有推出不同措施，包括低利息贷款计划，如青年农业企业家计划，为青年提供支援。

询及设立国家粮食保障机构的建议，他说，目前政府采取跨部门合作的形式，来确保粮食安全。

"粮食安全有4个层面，如粮食供应和生产方面由农业部负管理，而在可达性、价格方面则由国内贸易及生活成本部负责。"

联邦农业销售局从今日起，至6月26日在霹雳乡区转型中心举办霹雳FAMA节，共有103名企业家涉及其中，预计可以吸引10万人到访，目标是达到200万令吉的销售额。

出席者包括霹雳行政议员拿督祖基菲、莎比雅、公正党务边国会议员陈家兴、联邦农业销售局主席阿米鲁丁。

Powered by: isentia

| Headline | Chan Foong Hin: To discuss on assisting transformation of pig farming | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 23 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 647 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,138 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,414 |



## 陈泓缣：与财政部探讨

# 提供融资助养猪业转型

独家报道
江枚霞

专访 农业部副部长陈泓缣



**（八打灵再也22日讯）农业及粮食安全部将与财政部探讨如何协助养猪业转型，包括提供融资便利。**

农粮部副部长陈泓缣透露，他周五（23日）将与财政部秘书长拿督佐汉马末开会，并会瞻小范围讨论鼓励养猪业转型上所能给予的协助。

副部长接受《南洋商报》专访时说：“我们会从这个角度再深入的探讨。”

他说，政府确实有足够的诚意去协助猪农，同时也把前朝政府在非洲猪瘟时期批准但未发放的补贴金，争取到跨年在今年4月份发放补贴金给受到非洲猪瘟影响的马六甲养猪场；至于槟城和霹雳等的猪农，则会在近期内发放。

他也提到，众所周知，猪肉价钱失衡是因为非洲猪瘟而造成供应减少，此情况下，政府只好从国外进口猪肉，目前大马是允许9个国家进口猪肉来增加供应量，不过，长远而言，本地的养猪业需要重建，毕竟进口并非是长远的解决方案。

他说，我国以往的猪肉供应是100%自给自足，甚至可以出口至新加坡。

他指出，消费人一般都会有要吃新鲜猪肉的想法，“然而，进口猪肉是否就不新鲜？这其实并不见得，例如我国出口至中国的榴梿也是冷冻的。”

## 进口猪肉便宜30%

陈泓缣也提到，2个月前本地猪肉商贩与进口猪贩商有争执，“我猜想是因为本地生猪价失控，进口猪肉较本地猪肉便宜20至30%。”

他解释，由于规模经济的原因，我国以欧元进口的猪肉较本地猪便宜，“这是因为在农业方面，永远是（资）本大、技术先进、东西多，价格自然就会便宜。”

他直言，也有人质疑是否是本地猪农趁机涨价，“这个也不好说，因为从生意人的角度来看，他们不懂（猪只）什么时候会中病，因此是否要把这风险也计算在售价里？从这个角度分析，就会明白他们的行为动机。”

陈泓缣昨日下午在官员陪同下拜访《南洋商报》总社，受到副总编辑黄秋桦以及助理新闻编辑官泰发的接待。

## 农业部建议下月起新养猪场改封闭式

农业及粮食安全部建议今年7月1日起，所有新的养猪场，必须要符合现代化封闭式养猪模式。

农粮部本月初，在由首相拿督斯里安华主持的国家粮食安全内阁委员会（JKSMN）会议上，提呈上述养猪业建议书，以促进养猪业转型，然而此项建议仍未有最终定案，仍得视农业部长之后提呈内阁的内阁建议书。陈泓缣透露，不过，首相在有关会议上已促农粮部探讨机制来协助猪农。

## 养猪不符合回教教义 无法获农业银行融资

提到业者融资的难题，他以符合回教教义的养鸡业为例，指养鸡业者可透过农业部属下的农业银行（Agro Bank）获得融资，然而养猪因不符合回教教义而无法获得农业银行的融资。

他指本身曾多次强调，若要养猪业转型，政府就必须设法给予融资上的便利，否则养猪业也难以发展下去。

他就此提到在国家粮食安全内阁委员会会议上，不少部长对此课题都抱着友好的态度，例如有部长在会议上先礼后询：请纠正我，是否还有其他肉类可以提供蛋白质，例如以鸡肉取代猪肉。

“我们当然是说对的……其实当吃猪（肉）的华人减少，吃鸡（肉）的人口增加，那么鸡价将会相应拉高，所以大家都在理性地从经济角度去讨论此课题时，其实就没有所谓清真与否的隔膜。

“我们知道有一些银行事务是不能够处理的（非清真），但是我们将设法探讨是否有其他方式，在不动摇银行原本清真业务之外，来给予猪农一些方便。”

他形容，当然这也不能强人所难，毕竟农业银行需要符合回教教义，然而他也会寻找其他管道，以便给予猪农奖掖。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | El Nino might not certainly impact on agriculture | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 23 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 301 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,121 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,364 |





陈泓缣（前中）在务边乡村转型中心参观樱桃小番茄的种植园。左一为祖卡菲里，后左二起是陈家兴及莎比雅。（刘剑英摄）

# 厄爾尼諾未必衝擊農耕

## 陳泓缣：陽光足助長蔬菜

（务边22日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣指出，我国目前面对厄尔尼诺现象未必会对所有农作物造成不良影响，因为在这个阳光充足的时期，非常有利于蔬菜农作物生长。

“只是我们比较要留心的是稻米，必须采取缓和措施，确保灌溉系统和水流供应运作良好，以免影响稻米生产。”

他今天在务边为大马联邦农业销售局（FAMA）举办的霹雳FAMA节主持开幕仪式后，在新闻发布会上这么表示。

### 多措施鼓励年轻人务农

针对越来越少年轻人务农一事，他说，主因是年轻人对务农有刻板印象，以为这是一项必须在大太阳底下辛苦作业的工作。

“其实，农业不一定是以传统的形式作业，如今已有垂直农耕等受控式作业，以及采用物联网（IoT）操作的农耕法，相信这能够吸引年轻人投身农业，把这视作未来事业。”

他说，农业部长拿督斯里末沙布上任后，就积极年轻化农民，除了鼓励采用智能农耕法，农业部也推出了许多措施，包括提供低息贷款和青农企业计划等支援年轻农民，以鼓励这些群体务农。

### 探讨设国粮保障机构

针对有建议指政府应设立国家粮食保障机构，他说，如今这个建议仍处于研究阶段，因这涉及跨部门的事宜，包括在资金和人手方面的问题，必须谨慎行事。

他表示，目前政府采取跨部门合作的形式保障粮食，例如在粮食供应和生产方面由农业部负责管理，而在可达性及市场销售方面则由内贸部负责。

### 霹FAMA节料创200万销售

大马联邦农业销售局举办的霹雳FAMA节即日起至本月26日在务边乡村转型中心（RTC）展开，多达103名农业销售业者参与，并预计在5天有高达10万人次参观，目标是创下200万令吉的销售额。

出席者包括霹雳州行政议员祖卡菲里、莎比雅及务边区国会议员陈家兴。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/6/2023 | THE STAR | EVENTS | 7 |

PENANG

# Good news for fans of local fruits

## Penangites enjoying bumper harvest, low prices

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

THE fruit season is here, with local delights like rambutan, mangosteens, lychees and jackfruit (*nangka*) all in abundance.

TS Tan, 53, who runs a fruit stall, said mangosteens were popular among Penangites probably because they were "cooling" for the body, especially in this hot weather.

"I notice people who eat plenty of durian during this season will also buy some mangosteens to 'balance' things out.

"I get my fruits from here in Penang and from Kedah. This time, there seems to be ample supply," he said when met at the Jelutong market.

TS said the prices had gone down due to better yields this year.

"Mangosteens are RM9 per kilogramme now. They used to cost between RM10 and RM12.

"While rambutan is RM8 per kilogramme, I offer them at RM15 for 2kg.

"The price for rambutan is expected to go down and will probably be about RM10 for 3kg," he said.

Despite lowering his selling prices, TS thinks he will be able to make a good profit this year due to the bumper harvest.

Tan Ah Kang, 54, who was seen selling lychees at RM15 per kilogramme at the market, said the fruit was imported.

"We usually get the lychees from Thailand, Vietnam or China.

"This time, I got them from Thailand, and they are quite reasonably priced.

"Even mangosteens and durian are cheaper this year.

"Prices might go down even more, especially for mangosteens and rambutan.

"They are even sometimes sold for only RM5 per kilogramme but those batches may not be of good quality," he said.

Ah Kang advised customers to inspect the fruits closely before buying, as cheaper might not always be better.

"When buying fruits this season, it is best to stick to the average range of RM8 to RM9 per kilogramme for mangosteens," he said.

Ah Kang, who took over the stall after his father passed away, said his customers often bought mangosteens together with durian.

> "I get my fruits from Penang and Kedah. This time, there seems to be ample supply."
> TS Tan






TS (right) selling a bountiful yield of rambutan and other tropical fruits at Jelutong market. (Below) Ah Kang sorting through mangosteens at his stall. — Photos: LIM BENG TATT/The Star

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 34 |

# Tembak kucing jiran, pesara tentera didenda RM20,000

**MELAKA:** Seorang pesara tentera didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah menembak seekor kucing milik jirannya dengan senapang angin, tahun lalu.

Tertuduh, Aziz Tambi, 63, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan pindaan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh telah melakukan penganiayaan terhadap haiwan iaitu menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap seekor kucing dengan cara menembaknya menggunakan selaras senapang angin.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 2.30 petang di sebuah rumah bernombor di Lorong Mat Lajis, Bukit Rambai dalam daerah Melaka Tengah pada 18 Jun 2022.

Sabit kesalahan tertuduh boleh didenda minimum RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tiga tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Aliff Asraf Anuar Sharuddin memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada masyarakat agar tidak mengambil tindakan terburu-buru.

Bagaimanapun, peguam Ishak Mohd. Kari merayu hukuman ringan dengan alasan tertuduh pernah berjasa kepada negara dan menerima pingat penghargaan, selain tindakan itu diambil kerana telah lama bersabar dengan jirannya.

Mahkamah kemudian menjatuhkan denda RM20,000 atau enam bulan penjara jika gagal bayar. Tertuduh membayar denda tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Tempahan lembu korban merosot sebanyak 20 peratus

Oleh JAMLIAH ABDULLAH



ZAINOL ABIDIN melihat lembu ternakan yang dipelihara untuk ibadah korban di Jalan Sintok, Jitra semalam.

**JITRA** – Penternak lembu di daerah ini mendakwa, tempahan haiwan ternakan itu bagi ibadah korban pada tahun ini menurun sebanyak 20 peratus berbanding tahun lepas.

Seorang penternak yang juga Pengarah Urusan Fatimah MZ Agro Farm Sdn. Bhd., Zainol Abidin Mohamad, 65, berkata, setakat ini, pihaknya hanya berjaya menjual 110 daripada 300 lembu yang disediakan bagi ibadah itu.

"Berbanding tahun lepas, kita berjaya jual 200 lembu, mungkin situasi ini disebabkan faktor ekonomi semasa," katanya di ladang ternakannya di Jalan Sintok, dekat sini semalam.

Menurutnya, pihaknya masih mengekalkan harga lembu antara RM5,400 hingga RM6,000 seekor mengikut saiz di sebalik kenaikan harga dedak.

"Kalau nak kurangkan lagi harga lembu, agak susah sebab kita terpaksa tanggung kos makanan lembu yang agak tinggi," ujarnya.

Tambahnya, pihaknya masih membuka tempahan lembu korban sama ada secara hidup atau tompok sehingga 28 Jun ini.

"Kita juga menyediakan servis penyembelihan kepada pelanggan yang berhasrat memudahkan urusan ibadah korban mereka.

"Pelanggan boleh datang ambil daging sahaja, semua proses menyembelih dan melapah diuruskan pihak ladang," katanya.

Sementara itu, seorang penternak dari Pokok Sena, dekat sini, Ramli Abu Bakar, 52, berkata, sambutan untuk lembu korban pada tahun ini agak kurang memberangsangkan.

"Agak lembab, saya menyediakan 90 ekor lembu berbanding 100 ekor pada tahun sebelum ini.

"Sekarang saya hanya menerima tempahan sebanyak 50 ekor lembu dan berharap sebelum 28 Jun ini, semua habis ditempah.

"Hal ini berlaku mungkin kerana sekarang banyak persaingan memandangkan ramai penternak menyediakan lembu korban, selain banyak orang masih terkesan dengan pandemik Covid-19," katanya yang sudah 14 tahun menjadi penternak.

Ujarnya, kenaikan harga makanan ternakan terutama dedak ketika ini turut mempengaruhi harga haiwan antara RM4,000 hingga RM5,300 seekor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Jualan lembu korban merosot

**KUBANG PASU:** Tempahan lembu untuk ibadah korban pada tahun ini menurun kira-kira 20 peratus berbanding tahun lepas ekoran kurang permintaan dalam kalangan umat Islam.

Seorang penternak yang juga Pengarah Urusan Fatimah MZ Agro Farm Sdn. Bhd., Zainol Abidin Mohamad, 65, berkata, hanya 110 daripada 300 ekor lembu yang disediakan bagi tujuan itu terjual setakat ini.

"Berbanding tahun lepas kita jual 200 ekor lembu, mungkin situasi ini disebabkan oleh ekonomi rakyat yang agak lemah ketika ini," katanya ketika ditemui di ladang ternakannya di Jalan Sintok, di sini semalam.

Menurutnya, dia masih mengekalkan harga lembu antara RM5,400 sehingga RM6,000 seekor mengikut saiz walaupun terpaksa berhadapan kenaikan harga dedak.

"Kalau kita nak kurangkan lagi harga lembu, agak sukar sebab kita terpaksa tanggung kos makanan lembu yang tinggi.

"Melainkan jika harga dedak dikurangkan, insyaAllah kita boleh tawarkan harga lembu yang lebih rendah," katanya.

Sementara itu, Zainol Abidin berkata, pihaknya juga masih membuka tempahan lembu korban sehingga 28 Jun ini.



**ZAINOL Abidin Mohamad memberi makan lembu di ladangnya di Jalan Sintok, Kubang Pasu, Kedah, semalam.**

"Kita juga menyediakan khidmat penyembelihan kepada pelanggan yang berhasrat memudahkan ibadah korban.

"Pelanggan datang ambil daging sahaja, semua proses menyembelih dan melapah diuruskan pihak ladang," katanya.

Sementara itu, Ramli Abu Bakar, 52, penternak dari Pokok Sena juga tidak menafikan sambutan untuk lembu korban pada tahun ini kurang memberangsangkan.

"Agak lembab, saya menyediakan 90 lembu sahaja berbanding 100 ekor seperti sebelum ini. Sekarang saya hanya menerima tempahan 50 ekor lembu dan berharap sebelum 28 Jun ini habis semua.

"Mungkin kerana persaingan banyak selain ekonomi rakyat yang tak berapa nak pulih lagi selepas Covid-19. Dahulu tidak ada masalah untuk dapat tempahan," katanya yang sudah 14 tahun menjadi penternak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |



LEMBU ternakan 'gemuk' dan sihat menjadi pilihan pelanggan bagi ibadat korban pada tahun ini. - Gambar NSTP/ZUHAINY ZULKIFFLI

# Lembu 'sado' laris

## *Baka Brahman, KK ditempah pelanggan sejak Mei untuk korban*

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Lembu ternakan 'gemuk', 'sado' dan sihat menjadi pilihan penduduk negeri ini untuk ibadat korban, malah baka Brahman serta Kedah Kelantan (KK) kebanyakannya sudah ditempah sejak Mei lalu.

Penternak, Mohammad Rezuwan Mazlan, 41, berkata, sehingga kini, 250 lembu diternak di kandangnya di Lorong Kulit di sini, sudah ditempah individu serta pengurusan masjid di Pulau Pinang serta beberapa negeri termasuk Melaka dan Johor.

Katanya, harga jualan bermula pada RM4,500 hingga RM5,500 seekor.



"Ternakan ini diberi makan kernal dan 'silaj' iaitu campuran rumput dengan air garam tiga kali sehari.

"Di kandang ini juga, saya menternak 200 kambing boer dan jamnapari selain kira-kira 50 kerbau," katanya ditemui.

Menurutnya, biarpun berdepan masalah bekalan makanan ternakan yang tidak menentu, namun secara keseluruhan aktiviti penternakan berlangsung dengan lancar.

Malah, Mohammad Rezuwan berkata, dia tidak ingin menaikkan harga ternakan yang dijualnya walaupun berlaku kenaikan harga membabitkan makanan ternakan.

> *Lembu ini sudah diberi vaksinasi sebelum dijual selain memastikan ia benar-benar sihat"*
>
> **Mohammad Rezuwan**

"Malah lembu ini sudah diberi vaksinasi sebelum dijual selain memastikan ia benar-benar sihat.

"Saya dibantu tiga pekerja dan ternakan di sini akan diperiksa setiap hari sehinggalah hari ia diserah kepada pembeli. Ia bagi memastikan ternakan ini tidak menghidap apa-apa penyakit, terutama yang berjangkit," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 23 |

# Belajar ternak kambing dari YouTube

## Mamat puas dan gembira hasil tenusu haiwan itu dapat permintaan tinggi

BUKIT MERTAJAM

Biarpun bergelumang dengan najis haiwan, selain menjalani rutin menguruskan kambing seawal jam 8 pagi, ia tidak sedikit pun membuatkan seorang pesara swasta berasa terbeban.

Bagi Mamat Ismail, 65, ternakan kecil-kecilan yang diusahakannya di kawasan Bukit Indera Muda di sini memberi kepuasan dan kegembiraan.

Mamat berkata, bukan sahaja kambingnya meraih sambutan penduduk sekitar, malah hasil tenusu haiwan itu juga mendapat permintaan tinggi dari luar kawasan terutama Kuala Lumpur.

"Pak cik mula ternak kambing sejak enam tahun lalu iaitu ketika hampiri usia persaraan kerana memang sejak muda berminat mahu membela kambing tetapi kekangan kerja ketika itu membuatkan pak cik tunggu sampai tamat kerja baru mulakannya.

"Pada peringkat awal bermodalkan RM40,000, pak cik hanya memelihara 40 ekor kambing jenis Jamnapari dan Saanen.

"Sehingga kini jumlah ternakan meningkat kepada 70 ekor. Kalau ikutkan jual kambing tidaklah beri pulangan lumayan tapi sebab minat, pak cik masih bertahan sehingga sekarang," katanya kepada *Bernama*.

Mamat berkata, pada peringkat permulaan dia banyak belajar menerusi laman sosial YouTube cara menternak kambing termasuk bagaimana memastikan haiwan itu sihat.

Mamat juga mendapatkan nasihat dan khidmat berkaitan suntikan serta ubat cacing daripada Jabatan Pertanian Negeri serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri bagi mengelak tumbesaran kambing terjejas.



FOTO: BERNAMA

**Mamat memberi makanan kepada kambing ternakan yang diusahakannya di Bukit Indera Muda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.**

"Dari mula memang pak cik belajar daripada YouTube sahaja. Sebab minat mendalam nak bela kambing, jadi pak cik betul-betul teroka YouTube untuk tengok macam mana penternak lain bela haiwan ini, cuma cabaran sekarang ini harga dedak dan makanannya naik mendadak sejak tahun lepas," cerita datuk kepada 19 cucu itu.

Katanya, walaupun dedak mengalami kenaikan harga, dia tetap memastikan haiwan ternakannya mendapat makanan mencukupi di samping bahan-bahan lain.

Selain itu, menurut Mamat, kambing jenis Saanen merupakan kambing tenusu dan mampu menghasilkan sehingga tiga liter susu setiap hari yang akan dihantar ke Kuala Lumpur.

"Tahun ini 14 ekor kambing telah ditempah untuk ibadah korban. Jumlahnya berkurangan berbanding tahun sebelum ini.

"Kalau sebelum ini lebih 20 ekor kambing ditempah untuk dibuat korban. Tahun ini kurang sedikit mungkin sebab harga naik kerana kos untuk ternak haiwan ini juga meningkat," katanya yang menjalankan kerja ternakan sendirian.

Mamat berkata, dia mendapat sokongan daripada isterinya Mardziah Abdul Rahman, 64, dan anak-anak bagi mengusahakan ternakannya itu.

"Pak cik harap golongan muda ceburi bidang ternakan dengan mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar daripada jabatan-jabatan berkaitan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |



*Che Mohamad Zulkifly (kiri) melihat ikan kerapu di FRI, Tanjung Demong, Bukit Keluang, semalam.* (Foto Nurul Fatihah Sulaini/BH)

# 15 pengusaha rugi RM410,000 ternakan terjejas akibat El Nino

**Jertih:** Lima belas pengusaha akuakultur di negeri ini terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM410,000 kerana ternakan mereka terjejas dengan fenomena El Nino.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, mereka yang terbabit itu adalah pengusaha dari daerah Kuala Terengganu serta Hulu Terengganu.

Katanya, 12 pengusaha dari daerah Kuala Terengganu kerugian sebanyak RM328,000 apabila sebanyak 22 tan membabitkan 44 buah sangkar ikan tilapia, baung serta patin mati.

"Di daerah Hulu Terengganu, tiga pengusaha ikan tilapia, baung dan keli kerugian sebanyak 10 tan membabitkan tujuh sangkar dengan kerugian berjumlah RM 82,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Seminar Akuakultur Baik 'Back To Basics', Di Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Tajung Demong, Bukit Keluang, di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan Ahli Parlimen Besut, Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh. Yang turut hadir Pengarah FRI Tanjung Demong, Dr Ahmad Daud Om.

Ruzaidi berkata perubahan iklim antara risiko kepada pengeluaran makanan global dan ancaman utama kepada kualiti serta kuantiti pengeluaran khususnya bagi hidupan dalam air apabila suhu dunia meningkat lebih banyak penyakit timbul.

"Pembenihan dan asuhan benih ikan marin khususnya di Besut terkesan dengan penyakit ikan viral nervous necrosis (VNN).

"Virus ini akan menyerang mata dan otak sehingga ikan hilang keseimbangan, berenang secara tidak normal, kurang selera makan dan akhirnya mati.

"Penyakit ini akan menjangkiti ikan marin (ikan siakap dan kerapu terutama di peringkat benih). Pencegahan awal penyakit amat penting kepada akuakultur yang lestari," katanya.

Ruzaidi berkata penstrukturan semula adalah perlu bermula dari peringkat pembenihan, asuhan dan pembesaran ternakan ikan siakap bagi memastikan kelangsungan ekonomi penternak di Besut.

"Sehingga kini seramai 754 penternak akuakultur berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan 30 penternak menerima sijil Amalan Akuakultur Baik (myGAP)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |



Sebuah daripada tiga bot nelayan Vietnam ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di Perairan Pulau Bidong.
(Foto Zaid Salim/BH)

# Maritim Malaysia lupus 446 bot nelayan asing

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melupuskan 446 bot nelayan asing membabitkan nilaian keseluruhan sebanyak RM1.7 bilion.

Timbalan Ketua Pengarah Maritim Malaysia (Pengurusan), Khairul Anwar Bachok, berkata semua bot terbabit dirampas menerusi operasi di perairan Sabah, Sarawak, Pantai Timur dan perairan Sedeli serta Mersing di Johor sejak 2008 hingga kini.

Katanya, daripada jumlah itu, perairan Terengganu paling banyak melakukan pelupusan iaitu 159 membabitkan nilaian RM238.5 juta bermula 2010 hingga kini.

"Kedudukan perairan Pantai Timur yang bersempadan dengan Vietnam menyebabkan nelayan negara terbabit banyak melakukan pencerobohan.

"Paling banyak di perairan Terengganu meskipun ia berkedudukan agak jauh iaitu 132 batu nautika berbanding Kelantan yang paling hampir.

"Semua bot yang dilupuskan adalah bot yang sudah dilucut hak oleh mahkamah menggunakan dua kaedah menenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan dan hancur musnah," katanya selepas melakukan pelupusan tiga bot nelayan Vietnam di Perairan Pulau Bidong, di sini, semalam.



Perairan Terengganu paling banyak lupuskan bot asing.

Hadir sama, Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kapten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid.

Khairul berkata, pelupusan tiga bot yang ditahan sepanjang tahun lalu adalah sumbangan Maritim Malaysia kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi aktiviti penyelidikan kajian akademik di Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT, Pulau Bidong.

Katanya, ketiga-tiga bot berkenaan ditahan melalui Op Naga Barat dan Op Kuda Laut yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu oleh Kapal Maritim (KM) GEMIA dan KM NUSA.

"Ini adalah pelupusan ke-10 pada tahun ini oleh Maritim Negeri Terengganu dan dijangkakan 20 bot lagi akan ditenggelamkan selepas mendapat pelucutan hak daripada mahkamah pada tahun ini," katanya.

Program pelupusan berkenaan turut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MMEA scuttled 446 foreign fishing vessels since 2008 | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 23 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 8 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 71 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 484 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,452 |



# MMEA scuttled 446 foreign fishing vessels since 2008

**KUALA NERUS:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has scuttled 446 foreign fishing vessels forfeited by the courts since 2008 till today, with a total value of RM1.7 billion.

Its deputy director-general (administration), Khairul Anwar Bachok said the vessels, 95 per cent of them from Vietnam and the remaining from Thailand, were seized for offences under Section 15(1) and Section 16(3) of the Fisheries Act 1985 for illegal fishing.

"The vessels were disposed by scuttling conducted by the MMEA in Malaysian waters, including in Perak, Melaka, Johor, Sabah and Sarawak based on the court orders.

"The vessels were disposed with the assistance of the Fisheries Department, the Marine Department and the South East Asian Marine Resources Institute," he told the media after attending the scuttling of three Vietnamese vessels in the waters of Pulau Bidong here yesterday.

He said that the waters of the East Coast of Peninsula Malaysia were directly bordering that of Vietnam, allowing foreign fishermen from that country to enter illegally into Malaysian waters.

Khairul Anwar said that was why Terengganu had the most vessel seizures, with 159 vessels scuttled to act as artificial reefs and seven had been already scuttled this year by the MMEA at the cost of RM239 million, with another 20 more boats due to be disposed as soon as the courts ordered their forfeiture. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Perak Farmers Association: Husk`s low value reduces farmer`s profit | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 23 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 15 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 169 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,121 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,364 |



## 霹農協促解除禁賣外州令

# “稻穀遭壓價損稻農利益”



桑末沙哈：霹州稻谷不能转卖其他州属禁令，将致稻农利益受损。（图马来西亚前峰报提供）

（吉辇22日讯）农业及粮食安全部一纸令下，冻结霹雳州内稻谷转卖其他州属的申请，导致目前吉辇县稻谷收购价应声下降。这措施对民间私企米较业带来正面消息，但霹州农民协会却呼吁解冻此禁令，因为损及稻农利益。

《星洲日报》6月20日独家报道霹州吉辇县稻米进入收割季节，主要大米较业者因库存不多，提高稻谷收购价，一些代理也收购后运到其他州属米较厂。随着当局发出冻结申请稻谷转卖其他州属，抢购热潮降温，区内米较业者须稍降收购价，原本每吨开价1400令吉，已降至1300至1350令吉。

农粮部的以上通令是考量到霹州有执照米较业缺乏稻谷库存和各种因素，于6月20日发出通知书给米较业者及稻谷收购商。

### 促让农民自由选择

在此通令下，收购商只能把收购的稻谷卖给霹州内的米较厂，但此禁令不牵涉稻农，稻农可申请准证，售卖给任何地方的米较厂。

霹州农民协会（PPN）主席拿督桑末沙哈昨日出席峇眼色海农民协会大会活动后，促请农粮部解除通令。

他说，禁止州内稻谷转卖其他州属，将让米较业者趁机压低收购价，进而导致稻农利益受损。

他说，当局应让稻农自由选择，以最高价卖出产品。他担忧禁令持续，厂商会通过各种理由打压稻农。

他表示近期内将会见霹州农粮部的稻米监管部，要求撤回禁令。

全国农民组织（NAFAS）主席拿督赞里雅谷也说，此问题须马上解决，若没有获得妥善处理，他将会见农粮部长商讨。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/6/2023 | SUARA SARAWAK | ONLINE | |

## Agensi khas tingkatkan keselamatan makanan



**KUCHING:** Cadangan untuk menubuhkan sebuah agensi khas bagi meningkatkan keselamatan makanan, memanfaatkan Sarawak dan Malaysia secara keseluruhan.

Timbalan Menteri Keselamatan Makanan, Komoditi dan Kemajuan Wilayah, Martin Ben berkata ia perlu memandangkan keselamatan makanan menjadi salah satu isu paling penting yang sedang dihadapi negara ini.

"Seluruh negara bercakap akan perkara ini dan saya percaya dengan cadangan yang dikemukakan, ia sedikit sebanyak membantu menangani masalah tersebut.

"Justeru, sudah tiba masanya kita meneliti isu itu dan merealisasikan penubuhan agensi tersebut," katanya ketika ditemui pemberita semasa menghadiri Malam Kesenian Bidayuh sempena Bazar Gawai 2023 di pekarangan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) di sini, semalam.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sedang meneliti cadangan penubuhan agensi khas bagi meningkatkan keselamatan makanan sebagai agenda negara.

Sementara Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata cadangan menubuhkan agensi itu adalah salah satu inisiatif bagi menangani isu kos sara hidup yang dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tindakan Kebangsaan pada awal tahun ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kajian awal yang dijalankan oleh kementerian mendapati penubuhan agensi keselamatan makanan negara harus merangkumi empat aspek utama iaitu ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan makanan dan kestabilan dan kelestarian.